



IKHLAS Waqf & Endowment (IWE)

Inisiatif kemasyarakatan daripada Takaful IKHLAS

Kami Melindungi Anda

1. *Apakah IKHLAS Waqf Endowment (IWE)?*

IWE merupakan satu inisiatif kemasyarakatan daripada Takaful IKHLAS.

Bermula 1 April, apabila anda menyertai atau membaharui pelan perlindungan individu produk takaful am Takaful IKHLAS, kami memperuntukkan manfaat IWE secara percuma, di mana sejumlah wang akan disalurkan sebagai wakaf atau endowmen di atas nama anda, sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan.

2. *Apakah itu endowmen?*

Endowmen merupakan wang atau aset kewangan lain yang disumbangkan kepada institusi tertentu, seperti institusi pengajian atau hospital, yang menjadi sumber berkekalan untuk meraih pendapatan demi menampung perbelanjaan operasi dan keperluan lain.

3. *Apakah itu wakaf?*

Wakaf merupakan endowmen yang diuruskan berasaskan Shariah, merangkumi wang atau aset lain yang disumbangkan kepada institusi atau projek yang patuh Shariah. Wakaf menjadi sumber asas yang berkekalan dan tidak boleh dibatalkan, untuk meraih pendapatan untuk menampung perbelanjaan operasi dan keperluan lain.

4. *Siapakah yang layak untuk menerima IWE?*

Anda layak menerima IWE sekiranya anda seorang peserta individu pelan perlindungan produk takaful am Takaful IKHLAS, seperti **IKHLAS** Takaful Kenderaan, **IKHLAS** Takaful Kediaman atau **IKHLAS** Takaful Kemalangan Peribadi, bermula dari 1 April 2019 dan seterusnya.

5. *Bagaimanakah caranya untuk menerima IWE?*

Anda hanya perlu menyertai sekurang-kurangnya satu pelan perlindungan takaful am dengan Takaful IKHLAS untuk menerima IWE, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat tertentu.

6. *Adakah peserta produk takaful keluarga Takaful IKHLAS layak menerima IWE?*

Sekiranya anda seorang peserta produk takaful keluarga Takaful IKHLAS, anda tidak layak untuk menerima IWE. Anda boleh menerima manfaat IWE dengan menyertai sebarang pelan perlindungan produk takaful am Takaful IKHLAS General.

7. *Berapakah sumbangan yang diperlukan untuk menerima IWE?*

IWE merupakan sumbangan percuma daripada Takaful IKHLAS kepada para peserta individu pelan perlindungan takaful am Takaful IKHLAS, tertakluk kepada terma dan syarat-syarat tertentu.



IKHLAS Waqf & Endowment (IWE)

Inisiatif kemasyarakatan daripada Takaful IKHLAS

Kami Melindungi Anda

8. Berapakah jumlah wang sumbangan IWE?

Sebanyak RM1,000 diperuntukkan untuk sumbangan wakaf atau endowmen bagi setiap sijil yang dikeluarkan oleh Takaful IKHLAS untuk produk takaful am. Sekiranya anda menyertai 3 pelan takaful am, maka jumlah wang yang akan disalurkan ialah sebanyak RM3,000.

9. Bilakah manfaat IWE ini akan disalurkan?

Manfaat ini hanya akan disalurkan kepada institusi wakaf atau endowmen apabila peserta meninggal dunia akibat kemalangan.

10. Ke manakah manfaat IWE ini akan disalurkan?

Manfaat ini akan disalurkan kepada institusi wakaf dan endowmen diiktiraf yang dipilih oleh pihak Syarikat. Pada masa ini, keutamaan diberikan kepada institusi pendidikan seperti universiti awam yang memiliki dana wakaf dan endowmen.

11. Bolehkah manfaat IWE ini dinamakan atas nama orang lain?

Manfaat IWE ini hanya diperuntukkan untuk peserta sijil takaful yang berkenaan sahaja.

12. Bolehkah jumlah wang IWE ditambah?

Ya, anda boleh menambah jumlah wang wakaf atau endowmen dengan menyertai pelan perlindungan Kemalangan Peribadi dengan Takaful IKHLAS, di mana jumlah perlindungan sehingga 30% akan disalurkan untuk tujuan wakaf atau endowmen.

13. Bagaimanakah waris peserta boleh membuat tuntutan untuk IWE?

Waris peserta perlu mengisi dan mengemukakan borang tuntutan IWE berserta dokumen berkenaan kepada Takaful IKHLAS untuk proses tuntutan.

14. Adakah waris peserta akan dimaklumkan mengenai agihan manfaat waqf atau endowmen?

Ya, waris peserta akan menerima makluman berkenaan pembayaran wakaf atau endowmen tersebut.